

Festival Permainan Malaysia@Kuala Lumpur meriah

Kuala Lumpur: Festival Permainan Malaysia@Kuala Lumpur 2023 (FPM@KL 2023) mendapat sambutan menggalakkan apabila dikunjungi lebih 40,000 orang.

Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Mohd Amran Mohd Haris, berkata Pertandingan Tarik Tali Terbuka Antarabangsa Kuala Lumpur yang diadakan pada hari pertama Jumaat lalu menerima kehadiran sehingga 5,000 orang bagi acara itu sahaja.



Mohd Amran
Mohd Haris

"Sambutan FPM@KL 2023 kali ini amat menakjubkan dengan kehadiran pengunjung yang terlalu ramai sejak hari pertama lagi, termasuk program Keretapi Sarong 2023 dan kehadiran kakitangan awam serta unit beruniform yang menyertai 20 pertandingan."

"Pagi tadi (semalam) pula diadakan Wayang Kulit Run yang mendapat penyertaan sehingga 600 peserta, selain pengunjung

yang datang untuk menyertai pelbagai acara dan pertandingan," katanya kepada BH pada FPM@KL 2023 di Dataran Merdeka, disini, semalam.

Ditanya kelainan program yang kini memasuki tahun ke lapan, beliau berkata, tahun ini festival itu turut membawakan permainan tradisional dari Sabah dan Sarawak.

Katanya, 'rampanau' adalah permainan tradisional dari Sarawak menggunakan dahan pokok yang direka khas sebagai kasut tinggi yang digunakan untuk berjalan, manakala 'mintubow' dari Sabah adalah permainan seakan-akan buaian yang dimain dengan cara berayun atau melompat.

"Selain itu, kelainan lain yang turut dibawakan kali adalah permainan tradisional dari Pulau Pinang, iaitu 'chingay' iaitu persempahan mengimbangkan bendera seberat 10 kilogram pada anggota badan iaitu

jari, tangan, dahi dan anggota badan lain.

"Pada masa akan datang, kita berhasrat membawa lebih banyak permainan dari negeri lain supaya semua orang dapat melihat permainan tradisional yang ada dari negeri lain pula," katanya.

Harap lokasi kekal

Justeru, Mohd Amran berharap, program itu akan terus diadakan setiap tahun di Dataran Merdeka bagi memperkenalkan pelbagai permainan tradisional kepada orang ramai, termasuk pelancong asing berikutkan lokasi acara itu yang diadakan di kawasan pelancongan.

FPM@KL 2023 adalah festival anjuran Kementerian Pelancongan dan Budaya (MOTAC) menerusi JKKN Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Persatuan Sukan Tradisional Malaysia.

Pengunjung turut berpeluang bermain permainan legenda rakyat seperti terompah gergasi, susun bata, lari dalam guni, kelereng, tuju tin dan pelbagai lagi.



Antara permainan legenda rakyat yang dimainkan pengunjung pada FPM@KL 2023 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)